

24/01/2000

Exco tinjau persiapan Festival Melaka

MELAKA, Ahad - Semua Ahli Mesyuarat Kerajaan (Exco) negeri dan syarikat swasta yang menyertai festival Pelancongan Melaka pada 18 Februari ini, akan dibawa melawat ke tapak perasmian, iaitu Kuala Lumpur City Centre (KLCC) pada Rabu ini.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata, lawatan itu bertujuan meninjau lebih dekat segala persiapan yang sudah dibuat oleh pelbagai pihak dalam usaha menarik lebih ramai pelancong ke Melaka.

Mohd Ali menjelaskan, pada dasarnya beliau berpuas hati dengan semua persiapan yang dibuat, khususnya oleh Jawatankuasa Kebudayaan dan Pelancongan negeri yang dipengerusikan Datuk Hamdin Abdollah serta agensi kerajaan lain.

Beliau berkata, sehingga ini, 70 syarikat sudah menyatakan persetujuan untuk menyertai festival yang diadakan selama seminggu itu dengan menyewa beberapa kaunter yang disediakan.

"Kerajaan negeri juga menerima sumbangan daripada DRB Hicom yang bersetuju menyediakan sebuah Proton Wira, motosikal Jaguh dan Kris kepada pengunjung yang bertuah bagi setiap kategori," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan Aidilfitri anjuran Badan Kebajikan Persaudaraan Islam Negeri Melaka (Bakpis) di sini, hari ini.

Kira-kira 300 saudara baru, termasuk ahli keluarga mereka menghadiri majlis itu yang turut disertai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Melekek, Nawi Ahmad dan Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka, Deris Daud.

Pada majlis itu juga, Bakpis menerima sumbangan RM10,000 daripada Majlis Agama Islam Melaka (Maim).

Menurut Mohd Ali, festival itu akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 18 Februari ini, jam 8 malam.

Katanya, mulai 19 Februari sehingga Disember tahun ini, pelancong asing yang datang ke Melaka dan mengunjungi Muzium Budaya akan diberikan sijil lawatan dan tiket khas untuk cabutan bertuah.

Beliau berkata, sijil lawatan itu mungkin dikenakan sedikit bayaran dan cabutan bertuah pula akan dilakukan pada akhir tahun ini juga.

Mohd Ali berkata, pemenang pertama kategori pelancong asing ini akan menerima hadiah sebuah Proton Wira, diikuti dengan beberapa hadiah lain untuk pemenang seterusnya.

"Untuk kategori pelancong tempatan pula, pemenang pertama akan menerima motosikal Jaguh dan bagi pengunjung bertuah yang menyaksikan pelbagai acara di KLCC, akan menerima motosikal Kris," katanya.

Dalam pada itu, kerajaan negeri memperuntukkan kira-kira RM200,000 untuk menanam pelbagai jenis pokok di beberapa jalan utama di bandar ini.

Mohd Ali berkata, antara jalan yang dikenal pasti ialah Jalan Leboh Ayer Keroh, Jalan Tun Razak dan Jalan Bendahara.

(END)